

UMS akan terus beri fokus utama bidang Penyelidikan dan Inovasi

OLEH KAMARUDDIN LIUSIN
(kamaruddin@newsabah-times.com.my)

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan terus memberi fokus utama dalam bidang Penyelidikan dan Inovasi sebagai salah satu Indeks Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk menjadikannya sebagai Universiti Penyelidikan di masa hadapan.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon berkata, beberapa anugerah penyelidikan yang diterima oleh universiti itu diharapkan akan mampu meniupkan lagi semangat "Bertekad Cemerlang" di kalangan warga akademik untuk terus memacu kecemerlangan UMS di masa hadapan.

"Bagi memastikan penyelidik mendapat kemudahan yang kondusif, UMS berusaha melengkapkan keperluan peralatan pelbagai bidang penyelidikan," katanya ketika berucap pada sidang 3 Majlis Konvokesyen UMS ke-12 di Dewan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Pada konvokesyen kali ini seramai 4,614 graduan UMS telah dan akan mener-

ima ijazah mereka dan pada sidang pagi kelmarin seramai 716 graduan daripada sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Sekolah Sains Informatik Labuan dalam bidang perniagaan, ekonomi dan teknologi maklumat menerima ijazah masing-masing.

Dr. Kamaruzaman berkata, pelaksanaan pengurusan instrumen penyelidikan guna sama secara berpusat telah dikenal pasti antara usaha yang perlu dilaksanakan bagi memastikan pengurusan yang lebih berfokus, terancang dan efektif.

Katanya, UMS melalui Unit Instrumentasi, Pusat Penyelidikan dan Inovasi dengan kerjasama sekolah dan institut telah mengenal pasti beberapa instrumen yang sedia ada untuk dibangunkan sebagai "projek perintis" perlaksanaan instrumen guna sama.

Katanya, melalui perkongsian penggunaan instrumen penyelidikan ini diharapkan dapat memaksimumkan penggunaan instrumen tersebut dan seterusnya menjimatkan peruntukan kewangan universiti.

"Pembangunan ini berdasarkan kepakaran dan kemudahan sedia ada di UMS serta potensi keperluan dari pihak industri," katanya.

Dr. Kamaruzaman berkata, di bawah Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dua buah makmal UMS telah berjaya mendapat status BioNexus Partners Programme.

Katanya, makmal-makmal tersebut adalah Makmal Morphological Characterizations Lab dan Natural Product Chemistry Lab, kedua-duanya di Institut Penyelidikan Biologi Tropika dan Pemuliharaan.

Dalam pada itu, Dr. Kamaruzaman juga turut mengingatkan kepada para graduan agar sentiasa bersedia menghadapi segala cabaran dan kehendak kebolehsaingan di peringkat global masa kini.

"Cemerlang semasa pengajian tidak bererti anda terus cemerlang apabila menempuhi alam selepas pengajian, khususnya alam pekerjaan kelak... cabaran karier dan kehidupan alam realiti sebenarnya adalah lebih mencabar," katanya.

Menurutnya, para graduan haruslah sentiasa memperkukuh dan meningkatkan ilmu pengetahuan dalam disiplin ilmu masing-masing di samping memperkukuhkan kemahiran insaniah yang telah dipelajari semasa menjadi mahasiswa.